

IDENTITI NASIONAL DALAM PENULISAN SAJAK NASIONALISME BAGI PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI

**NATIONAL IDENTITY IN POETRY WRITING TOWARDS
NATIONALISM FOR NON NATIVE SPEAKER AMONG STUDENTS**

**Nordiana Hamzah¹,
Farra Humairah Mohd²,
Julita@Norjetta Taisin³
Norazimah Zakaria⁴**

¹²³⁴ Pensyarah Kanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim Perak

Accepted date: 14-10-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Hamzah, N., Mohd F. H., Taisin, J., & Zakaria, N. (2018). Identiti Nasional dalam Penulisan Sajak Nasionalisme bagi Pelajar Bukan Penutur Jati. *Internarional Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1 (4), 103-116.

Abstrak: Identiti nasional merupakan suatu tanda atau pengenalan diri seperti aspek bahasa, kesenian, dan cara hidup yang mempunyai persamaan antara satu kaum dengan kaum yang lain. Oleh itu, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti identiti nasional yang menjadi pilihan para pelajar bukan penutur jati sewaktu aplikasi kemahiran menulis sajak nasionalisme. Metodologi yang digunakan ialah Pendekatan Kualitatif. Reka bentuk kajian ialah ialah kajian teks yang menggunakan kaedah analisis teks yang mengaplikasikan Teori Pendekatan Struktural. Analisis data berdasarkan sajak yang dibina secara bertema. Peserta kajian terdiri daripada pelajar berbangsa Siam seramai enam orang, pelajar Cina seramai enam orang, dan pelajar India seramai empat orang. Lokasi kajian adalah di sekolah menengah di negeri Kedah dan di negeri Perak. Dapatkan kajian menunjukkan, lima isu identiti nasional yang dipilih oleh pelajar-pelajar iaitu Isu Cinta akan negara, Isu Malaysia, Isu Bahasaku, Isu Perpaduan, dan Isu Merdeka. Dapatkan kajian menunjukkan, pelajar bukan penutur jati dapat meluahkan perasaan sayang akan negara melalui kemahiran menuulis sajak. Pelajar-pelajar berbangsa Cina, India dan Siam mempunyai semangat patriotik yang tinggi terhadap negara Malaysia. Implikasi kajian ialah dapat menyuburkan perasaan nasionalisme dalam diri pelajar bukan penutur jati melalui penulisan sajak.

Kata Kunci: Identiti Nasional, Sajak Nasionalisme

Abstract: National identity is a sign or identification of language, art, and way of life that has the similarity between one race and another. Therefore, the objective of the study is to identify the national identity that is the choice of non-native speakers in the application of nationalism writing skills. The methodology used is the Qualitative Approach. The research design is a textual study using a text analysis method that applies the Structural Approach

Theory. Data analysis based on poems built on thematic. The study participants consisted of six Siamese students, six Chinese students, and four Indian students. The location of the study is in secondary schools in Kedah and in Perak. The findings show that five national identity issues chosen by pupils are the Isu Cinta of the country, Malaysia Issues, Issues Issues, Unity Issues, and Free Issues. The findings show that non-speakers students can express their love for the nation through their poetry writing. Chinese, Indian and Siamese students have a high patriotic spirit of Malaysia. The implication of the study was to nourish the feeling of nationalism in non-teens students through poetry writing.

Keywords: National Identity, Nasionalism Poem

Pendahuluan

Kemahiran menulis sajak nasionalisme melibatkan ketiga-tiga elemen kemahiran berfikir yang disarankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2012) iaitu Pemikiran Kreatif dan Inovatif iaitu kemampuan mencipta sajak nasionalisme; penaakulan kognitif dalam pemilihan diksi yang berkaitan tema nasionalisme, dan keupayaan belajar dengan cara meneroka pembelajaran sendiri. Kemahiran menulis pula diajar selepas seseorang pelajar itu menguasai kemahiran lisan dan kemahiran membaca. Kemahiran menulis mengkehendaki pelajar-pelajar menggunakan kemahiran berfikir yang melibatkan kognitif dalam melahirkan idea. Sajak pula ialah pemilihan kata-kata indah yang melambangkan pemikiran dan perasaan penyair ataupun pengarang. Nasionalisme pula ialah semangat cinta akan negara yang merupakan satu elemen jati diri yang harus diterap dalam diri pelajar-pelajar supaya para pelajar tahu akan sejarah negara, tokoh-tokoh kemerdekaan, dan peristiwa yang berkaitan kemerdekaan.

Kajian ini dijalankan untuk mendidik pelajar-pelajar yang bukan Melayu seperti pelajar berbangsa Cina, India, dan Siam menulis sajak nasionalisme. Pemilihan tema nasionalisme sebagai pemangkin untuk menyemai semangat cinta akan negara dalam kalangan pelajar bukan Melayu yang tidak bertutur bahasa Melayu sebagai bahasa utama di rumah atau bersama dengan rakan-rakan di sekolah. Hal ini sejajar dengan dasar bahasa di Malaysia, salah satu daripada matlamat utamanya adalah untuk memupuk perkongsian identiti dalam kalangan rakyat Malaysia berdasarkan kemahiran berbahasa kebangsaan, iaitu bahasa Malaysia (KPM, 2012). Kemahiran menulis sajak nasionalisme merupakan serampang tiga mata dalam melahirkan aspirasi pelajar abad ke-21 iaitu pelajar yang mempunyai pemikiran di luar kotak, pelajar yang mempunyai identiti nasional dan pelajar yang mempunyai kemahiran berbahasa.

Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, isu identiti nasional menjadi pilihan selaras dengan aspirasi pelajar yang diuarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysiia 2013-2025 yang harus mempunyai identiti nasional yang kukuh terikat dengan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk kejayaan masa depan Malaysia. Menurut Javier Gimeno Maartinez (2016), identiti nasional ialah identifikasi secara kolektif. Definisi ini merangkumi aspek yang dominan dalam identiti budaya, teras prinsip dalam kerajaan dan fokus utama aspek sosial dan aktiviti ekonomi. Montserrat Guibernau (2013) pula telah memberikan definisi identiti nasional kepada lima aspek pula iaitu piskologi, budaya, kawasan, sejarah dan politik. Kesimpulannya, kedua-dua definisi ini menyimpulkan bahawa

bagi setiap pelajar akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi.

Semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri setiap pelajar dengan cara memahami sejarah negara, dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara. Demi mewujudkan identiti nasional yang sebenar, semangat kukuh cinta akan tanah air diperlukan. Identiti nasional akan dapat dicapai bukan hanya melalui belajar memahami, tetapi juga menerima serta menghayati hakikat kepelbagaiannya. Terdapat beberapa kajian yang melibatkan isu identiti nasional iaitu Md. Sidin Ahmad Ishak & Jas Laile Suzana Jaafar, (2014). Kajian ini mempunyai hubungan dengan kemahiran menulis bagi melahirkan isu identiti nasional. Definisi kemahiran menulis memerlukan pelajar yang mampu untuk mengingati bahan bacaan dan menganalisis serta merumuskan bahan bacaan dalam suatu penulisan yang dihasilkan agar perkembangan kognitif sentiasa berkembang (Mohd Izzuddin bin Mohd Pisol & Mohd Solihin Hafizi bin Mohd, 2017). Pembelajaran kemahiran menulis menjadi satu cabaran kepada kerana kemahiran tersebut melibatkan keupayaan meta kognisi (Noor Habsah Ali & Yahya Othman, 2018).

Rumusannya, kemahiran menulis merupakan kemahiran berbahasa yang tinggi dan melibatkan kosa kata yang luas dalam penulisan. Kajian-kajian yang melibat kemahiran menulis di Malaysia, antaranya *Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Melalui Penulisan Berbentuk Risalah Bagi Menguasai Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Pelajar Tahap Sederhana Di Sekolah Rendah* (Yahaya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman, 2014); *Keberkesanan Penggunaan Akhbar dalam Pengajaran Karangan Dalam Kalangan Tingkatan Enam* (Chew Fong Peng & Rusdaini Mohamed, 2013); dan *Keberkesanan Cerpen Dalam Mempertingkat Prestasi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar* (Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Norzila Md. Yusof, 2011). Kajian yang melibatkan kemahiran menulis sajak masih lagi tidak terdapat, namun pengajaran dan pembelajaran menggunakan medium sajak sebagai bahan dalam pengajaran dan pembelajaran terdapat kajian terkini, antaranya *Puisi Intan dalam Pengajaran Bahasa Melayu*,(Fawziyah Binte Ali, 2016); dan *Nukilan Sajak Merdeka dalam Membangunkan Bahasa, Sastera dan Budaya Bangsa melalui Pengajian Kesusteraan Melayu* (Ani Omar, 2012). Kelompongan wujud dari perspektif mengaduncaan kemahiran menulis sajak nasionalisme dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan Kesusteraan Melayu untuk melihat aspek proses berfikir dalam menulis sajak nasionalisme dalam kalangan penutur bukan Bahasa Melayu. Oleh sebab ini, kajian perlu dilakukan untuk mendidik pelajar menulis sajak nasionalisme di samping, menerapkan semangat nasionalisme dalam kalangan penutur bukan Melayu bagi aspirasi pelajar abad ke-21 selaras dengan PPPM 2013-2025.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk menganalisis isu identiti nasional yang terdapat dalam sajak nasionalisme yang ditulis oleh peserta kajian.

Kajian Literatur

Kajian ini akan menganalisis isu-isu yang terdapat dalam sajak nasionalisme yang akan dihasilkan oleh pelajar. Terdapat pelbagai definisi sajak ataupun puisi moden. Za'ba mendefinisikan puisi atau karangan berangkap sebagai, khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa. Seterusnya Za'ba mengatakan bahawa karangan berangkap itu ialah karangan yang

disusunkan dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyi atau rentaknya atau isinya, serta kebanyakan memakai timbangan atau sukatan yang tertentu.

Nasionalisme pula merujuk kepada tiga unsur, iaitu kesedaran, identiti bersama, sesuatu ideologi historis yang sama dan rasa senasib; serta adanya suatu gerakan sosial bersama mengarah kepada matlamat bersama. Daripada tiga unsur tersebut didapati kebersamaan dan bukan kesamaan (Md. Sidin Ahmad Ishak & Jas Laile Suzana Jaafar, 2014). Kesimpulannya, isu nasionalisme akan merujuk kepada isu yang menunjukkan kesedaran, kebersamaan dan sejarah yang difikir oleh pelajar-pelajar dalam kajian ini.

Sajak dihasilkan oleh penyair sebagai wadah melahirkan perasaan. Hal ini dikaitkan dengan sifat sajak sebagai puisi moden yang terbina daripada gubahan kata-kata terpilih sebagai mewakili suara penyairnya. Oleh hal yang demikian bermakna sesuatu yang dihasilkan melalui sajak adalah refleksi daripada pengalaman atau fenomena pada waktu itu. Maka, pada awal kemunculan perkembangan puisi Melayu moden, ditemukan sajak-sajak yang berfokus kepada persoalan-persoalan seperti kasih sayang muda mudi, cinta, rindu dendam, keluh kesah dan introspeksi diri. Namun, yang paling dominan, berkaitan dengan soal cinta dan kasih sayang. Keadaan ini dikaitkan dengan latar penyair pada waktu itu yang kebanyakannya pernah mengalami pengalaman seperti itu. Hal ini terlihat dalam kelima-lima sajak yang dihasilkan oleh Pungguk berkaitan dengan soal kasih sayang. Empat daripadanya berhubung dengan kasih sayang antara teruna dan dara manakala sebuah lagi berkaitan kasih sayang terhadap ibu dalam sajaknya "Ibu". Namun fokus Pungguk dalam kelima-lima sajak yang ditulisnya itu, berdasarkan pertimbangan sosial dengan mengungkapkan persoalm kasih sayang antara sesama insan.

Dalam perkembangan awal sajak, kebanyakan isu ialah isu nasionalisme. Secara umumnya, aspek ini tidaklah begitu lantang tetapi merupakan luahan penyair berasaskan gerak kesedaran fenomena yang berlaku pada waktu itu. Hal ini dapat dikesan dengan terhasilnya sajak-sajak yang bernada nasionalisme yang membawakan persoalan cinta tanah air, nasib bangsa dan semangat perjuangan. Pemyataan tersebut terungkap dalam sajak-sajak "Bisikan Sukmaku", "Pemyataan Sukma", Apalah Nasib Bangsaku", "Ayuhal!Malaya Watanku", Hatiku Bimbang", Bangun dan Sedar", "Ku!Terkenangkan" dan "Rayuan Tanahairku" (Kamaruzzaman Abd. Kadir , 1987). Kebanyakan sajak yang dihasilkan ini, disiarkan dalam akhbar mingguan *Warta Ahad*, sebuah akhbar yang menyiaran rencana-rencana berkaitan dengan politik, kemasyarakatan serta perjuangan-perjuangan yang berlaku di luar negara. Dalam sajak "Bisikan Sukmaku" ciptaan Ahmad Ismail menggambarkan secara nyata penyataan kesedaran dengan terungkapnya kalimat kebangsaan yang dirujuk kepada orang-orang Melayu supaya menyedari tentang nasib bangsanya yang terhimpit dan mundur berbanding dengan kaum-kaum lain. Rasa curiga dan cemburu ini timbul apabila melihat kesenangan yang dikecapi oleh orang-orang Cina dan India yang dianggap sebagai bangsa mendatang. Persoalan dalam zaman kali ini juga ke arah semangat perjuangan dan penyajak menanamkan bibit-bibit semangat menentang penjajah melalui karya rnereka. Utusan Zaman dan Mastika ialah dua buah penerbitan penting yang menyiaran sajak. Kebetulan pula dipimpin oleh tokoh-tokoh ASAS 50, iaitu Keris Mas, Asraf dan Usman Awang menyiaran sajak-sajak yang berbauran kepentingan alat perjuangan melalui bahasa dan kesusaasteraan.

Oleh itu, media puisi yang bertemakan perjuangan harus dikembangkan dalam pembelajaran di sekolah. Dalam kajian yang akan dijalankan penulisan sajak akan ditulis oleh bukan

penutur jati. Mereka akan menulis sajak nasionalisme menggunakan bahasa Melayu. Sekaligus, kajian ini dapat menganalisis isu-isu nasionalisme yang menjadi pilihan mereka.

Kerangka Teori

Dalam kajian ini, kerangka teori yang akan digunakan untuk menganalisis isu-isu identiti nasional adalah dengan menggunakan Teori Pendekatan Struktural. Pendekatan Struktural juga dikenali sebagai pendekatan formalistik. Pendekatan ini akan digunakan untuk menganalisis sajak yang dihasilkan. Pendekatan ini akan mengkritik aspek struktural sesebuah karya seperti tema, persoalan, plot, latar, dan sebagainya (Mana Sikana, 1986). Dalam membincangkan kertas kerja ini, kajian tentang tema patriotik akan dikenali sebagai isu identiti nasional. Isu identiti nasional akan dikaji dalam dua aspek iaitu isu utama dan isu sampingan. Isu-isu ini yang harus dikenal pasti melalui penulisan sajak kerana penulis sajak akan menulis menggunakan dua cara berdasarkan kreativiti mereka iaitu secara langsung atau tidak secara langsung. Sehubungan dengan itu, aspek penulisan menggunakan medium bahasa juga akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan struktural. Instrumen untuk pendekatan struktural dapat dirujuk melalui Jadual 1.

Metodologi

Pendekatan yang digunakan ialah kualitatif. Kajian teks digunakan untuk menganalisis sajak-sajak yang dihasilkan oleh peserta kajian dengan menggunakan teori pendekatan struktural yang memfokuskan aspek isu dan persoalan dalam sajak. Peserta Kajian dipilih mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan sesuai dengan tujuan kajian dijalankan. Peserta Kajian dalam kajian ini ialah pelajar yang berbangsa Cina, India dan Siam. Pemilihan bangsa yang bukan bangsa Melayu kerana rasionalnya adalah untuk mengenal pasti isu identiti nasional yang ada dalam jiwa mereka yang dihasilkan dalam sajak kerana mereka tidak menuturkan bahasa Melayu di rumah dan bersama dengan rakan yang lain. Peserta Kajian yang dipilih ialah seramai 14 orang iaitu 6 orang berbangsa Cina, 4 orang berbangsa India dan 6 orang berbangsa Siam. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan temu bual dengan guru Bahasa Melayu. Ciri-ciri yang perlu ialah, mereka mempunyai kelayakan akademik sederhana dalam peperiksaan iaitu mendapat markah B dalam ujian bulanan Bahasa Melayu Bulan Februari.

Dalam melaksanakan kajian ini, lokasi kajian yang dipilih adalah di Semenanjung Malaysia. Lokasi kajian adalah di dua buah sekolah menengah yang berlokasikan di Kedah, dan di Slim River Perak. Lokasi kajian di Kedah adalah untuk PKS (Peserta Kajian berbangsa Siam) dan di Slim River ialah PKI (Peserta Kajian Bangsa India) dan PKC (Peserta Kajian Bangsa Cina). Sekolah PKS dinamakan SA (Sekolah A) dan sekolah PKI dan PKC dinamakan SB (Sekolah B). Instrumen yang digunakan sewaktu menganalisis isu identiti nasional seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Senarai Semak Analisis Tema Sajak Nasionalisme		
PESERTA	ISU	PERSOALAN
KAJIAN		

Dapatkan dan Perbincangan

Dapatkan kajian menunjukkan isu identiti nasional yang ditulis mempunyai tujuh perkara iaitu isu Cinta Akan Negara, Isu Malaysia, Isu Pemimpin Negara, Isu Bahasaku, Isu Cinta

Ibu Bapa, Isu Perpaduan dan Isu Merdeka. Ketujuh isu ini menjadi isu yang ditulis sewaktu menghasilkan sajak. Namun, akhirnya setelah dilakukan pengkategorian, isu yang ditulis untuk menghasilkan sajak hanya lima isu iaitu:

*Cinta Akan Negara
Malaysia
Bahasa
Merdeka
Perpaduan*

Antara contoh *Isu Cinta akan Negara* yang ditulis oleh peserta kajian dengan merujuk Rajah 1 dan 2. Dalam sajak Rajah 1 dijelaskan oleh PKS, bahawa betapa dirinya sangat mencintai negara Malaysia. Perasaan cinta itu tidak mempunyai penamat. Peserta kajian turut menyatakan perasaan cintanya itu juga merupakan kesetiaan dan memberikan analogi seperti burung pungguk rindu akan bulan. Analogi ini menggambarkan sifat setia dan cinta kepada seseorang. Di samping itu, peserta kajian turut memberikan analogi semasa perasaan cinta kepada negara seperti perasaan cinta kepada sahabat dan keluarga. Kesemua pemilihan diksi merupakan imej yang menjelaskan perasaan setia penyajak kepada negara. Jika dikaitkan dengan pendekatan struktural, keberhasilan isu identiti nasional dalam sajak ini dibantu dengan unsur-unsur yang membina sebuah karya sastera seperti pemilihan gaya bahasa simile yang dipilih oleh peserta kajian . Menurut C.T Winchester (1960) (dalam Mana Sikana 1986), kekuatan karya terletak pada teknik dan kemahiran penyajak bercerita. Isu *Cinta akan Negara* merupakan perkara yang harus disemai dalam sanubari setiap pelajar sejak di bangku sekolah lagi. Perasaan ini harus dipupuk agar dapat melahirkan rakyat Malaysia yang beridentiti nasional . Penulisan sajak ini sebagai salah satu alternatif untuk memupuk negara bangsa yang mempunyai acuan cinta akan negara.

Bagi sajak Rajah 2 pula, perasaan cinta akan negara diungkapkan dalam bentuk penghargaan kepada negara atas peluang perkongsian amalan kehidupan dan bekerjasama. Hal ini kerana, kehidupannya di negara ini yang telah memberi peluangnya menuntut ilmu, kerjasama dan mempunyai makanan yang pelbagai. Negara Malaysia memberikan akses pelaburan kepada pendidikan dari prasekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (Raze Norsyahman bin Shahril, 2015). Oleh itu, kesemua rakyat Malaysia menikmati akses pendidikan bersama-sama dan kepelbagaian etnik akan menghasilkan sikap kerjasama (Mohd Azmir Mohd Nizah, Paimah Atoma, & Mashitah Sulaimn, 2011) . Hubungan kerjasama juga dapat dieratkan sewaktu musim perayaan dengan berkongsi makanan yang mempunyai ciri-ciri adat resam kepelbagaian kaum. Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian dapat menyampaikan imej-imej perpaduan yang terdapat dalam negara Malaysia seperti aspek pendidikan dan makanan. Pendekatan struktural menekankan aspek bahasa dapat dianalisis dengan pelagai cara iaitu sama ada stail ataupun pemilihan diksi, ataupun pemilihan penyusunan ayat panjang dan pendek (Mana Sikana, 1986). Kesimpulannya kedua-dua sajak yang mempunyai isu *Cinta Akan Negara* dijelaskan secara tersurat dan tersirat melalui bahasa yang digunakan. Isu secara tersurat melalui pemilihan perkataan makanan, ilmu dan persahabatan manakala secara tersirat melalui sifat setia yang ditunjukkan melalui perlambangan bahasa yang menggunakan analogi dan gaya bahasa metafora.

Tumpahnya Darahku
 Di sini
 Lahirnya seorang pacinta
 Yang cintanya tidak berahir
 bugai pungguk indutan bulan
 Cintanya
 Tidak ada tandingannya
 Pentingnya
 bayai tawan dan keluargaku

Rajah 1: Contoh Sajak Cinta akan Negara PK4C

Negaraku,
 Tempuan jiwamu,
 Seperti berantap denganku,
 Negaraku,
 Kuhangai jasama.

 Negaraku,
 Kuhangai matlamatmu,
 Negaraku,
 Kaukasu pelogai,
 Seperti wawas-ananmu.

 Kebeni kejessama degandeku,
 Seperti sur dengan teling,
 Jaka hidama,
 Ke dentita.


 Kunggaraku,
 Kuhangai jasama,
 Seperti marauah merdu dan sekabutyan,

Rajah 2: Contoh Sajak Cinta akan Negara PK1C

Isu identiti nasional yang kedua banyak ditulis oleh peserta kajian ialah aspek isu *bahasa*. Antaranya Rajah 3, menjelaskan perasaan isu cinta akan bahasa. Perasaan cinta akan bahasa itu ditulis berbeza-beza mengikut rangkap. Pada rangkap pertama, perasaan cinta akan bahasa diungkap dengan menggunakan analogi perasaan kepada anggota badannya iaitu mulut. Anggota mulut merupakan anggota yang sangat penting untuk makan dan minum. Di samping itu juga, mulut ialah cara manusia untuk berkomunikasi secara kesantunan berbahasa. Oleh itu, analogi mulut merupakan perkara tersirat yang digambarkan oleh peserta kajian dalam penghasilan sajaknya. Analogi perasaan cinta akan bahasa juga ditulis seperti menjaga maruahnya. Maruah merupakan lambang keperibadian seseorang. Tanpa maruah, diri akan tergadai. Peserta kajian juga menggambarkan bahasa itu seperti maruahnya. Banyak kata-kata hikmat dan peribahasa yang mengaitkan bahasa dengan maruah seperti:

- i. Bahasa Jiwa Bangsa;
- ii. Yang kurik itu kendi,
Yang merah itu saga,
Yang cantik itu budi
Yang indah itu Bahasa


Hal ini menunjukkan peserta kajian amat menitikberatkan cinta akan bahasa. Antara faktor yang menyebabkan perasaan sayang akan bahasa ialah, di Malaysia mempunyai pelbagai bahasa. Pelbagai bahasa wujud kerana di Malaysia mempunyai pelbagai bangsa dan budaya. Bahasa di Malaysia yang ditulis oleh peserta kajian ialah bahasa masyarakat Cina, masyarakat Melayu dan masyarakat yang menuturkan bahasa Inggeris. Perasaan sayang kepada bahasa juga disebabkan oleh keindahan bahasa. Peserta kajian menggambarkan bahasa itu indah dengan memberikan analogi bahasa itu secara tersurat dan tersirat. Keindahan bahasa secara tersirat digambarkan seperti bunga yang mekar dan mewangi; dan juga seperti unggas yang menyanyi. Daripada analogi ini yang menggunakan gaya bahasa metafora, menunjukkan bahasa itu berkembang dan terkenal dan sentiasa menjadi sebutan ramai. Analogi secara tersurat pula adalah dengan menggambarkan bahasa itu indah seperti perasaan yang gembira. Hal ini kerana, dengan perasaan yang gembira sahaja, bahasa itu akan diucapkan dengan penuh kesopanan dan kesantunan. Walaupun sajak isu bahasa ini ringkas, namun apabila dijelaskan mempunyai keindahan dari segi maksudnya. Jika dianalisis mengikut isu semasa, senario bahasa merupakan isu yang paling banyak diperkatakan kini. Badan penguatkuasa bahasa di Malaysia iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka harus mempunyai matlamat untuk memperkasakan bahasa Melayu (Othman Hussain, Shamsaad Sholeh Saad, Lutfan Jaes, & Khairul Anuar Kamri, 2018).



Rajah 3 : Contoh Sajak Bahasa PK5

Isu identiti nasional yang ketiga pula isu Merdeka . Rajah 4, menunjukkan isu merdeka yang ditulis iaitu merdeka itu bebas daripada kesengsaraan. Perasaan merdeka itu dianalogikan seperti bernafas dengan menghirup udara yang segar. Isu merdeka juga ditulis

kerana di Malaysia tiada perperangan dan tiada pertelingkahan. Peserta kajian menggambarkan pertelingkahan dan perperangan itu dengan peribahasa seperti anjing dengan kucing yang sifat resminya tidak dapat mencapai kata sepakat dan akan bergaduh antara satu sama lain apabila bertemu. Perasaan merdeka juga digambarkan kerana di Malaysia mempunyai pelbagai kaum yang dapat hidup bahagia bersama-sama. Analogi yang diberikan dalam tulisan peserta kajian ini ialah kebahagiaan yang menggambarkan kesetiaan antara satu sama lain melalui analogi ombak dan pantai. Perasaan merdeka juga dianalogikan seperti dirinya menjadi air yang tenang di tasik dan awan yang tenang di angkasa. Oleh itu, perasaan merdeka peserta kajian sangat indah kerana dianalogikan dengan alam sekeliling dan dengan keindahan alam.




Rajah 4: Contoh Sajak Merdeka PK1I

Isu identiti nasional yang keempat pula isu negara Malaysia. Rajah 5, menjelaskan Negara Malaysia seperti syurga. Syurga ialah sebuah tempat yang indah dan penuh dengan kenikmatan. Peserta kajian menjelaskan Negara Malaysia seperti syurga kerana mempunyai kepelbagaian makanan kerana di Malaysia mempunyai pelbagai bangsa. Malaysia juga digambarkan mempunyai kepelbagaian bangsa dan aspek ini dianalogikan seperti hidupan laut. Hidupan laut mempunyai kepelbagaian flora dan fauna. Oleh itu, peserta kajian ini menggambarkan Malaysia seperti hidupan laut. Di samping itu dijelaskan kepelbagaian bangsa yang mempunyai nilai murni bersatu-padu yang mengukuhkan perpaduan dalam negara Malaysia. Sajak Malaysia juga menjelaskan bahawa negara ini seperti sebuah kamus. Kamus dianalogikan kerana di Malaysia mempunyai pelbagai bahasa yang indah. Bahasa yang indah dan menjadi saluran komunikasi antara satu sama lain. Oleh itu, sajak ini memberi makna secara tersurat bahawa Malaysia itu mempunyai kepelbagaian makanan, bangsa dan bahasa.

<u>Analisis</u>
<p>Analisis seperti orang yang pernah berinteraksi dengan orang lain.</p> <p>Analisis dari China</p> <p>Analisis dari India</p> <p>Analisis tidak diambil secara langsung kepada setiap buku.</p>
<p>Analisis seperti halangan laut ke arah China, India dan Korea Selatan.</p> <p>Semua negara berusaha untuk mempertahankan negara.</p> <p>Analisis memperkenalkan untuk kita mengenali antara satu sama lain.</p>
<p>Analisis seperti buku yang tidak setiap buku berisi dengan bahasa yang tersendiri.</p> <p>Adalah yang mengajarkan buku lain bahasa yang tersendiri.</p> <p>Analisis pada dengan perkataan yang tidak sama pada bahasa.</p>

Rajah 5: Contoh Sajak Malaysia PK5C

Isu identiti nasional yang kelima pula isu perpaduan (Rajah 6). Untuk mencapai perpaduan dalam negara Malaysia, seseorang itu haruslah berani. Analogi yang digunakan oleh peserta kajian ini berani seperti harimau yang menjadi raja di hutan. Perasaan berani ini dijelaskan lagi iaitu berani membuat sesuatu perkara tanpa rasa takut. Perpaduan juga dijelaskan dapat dicapai dengan mempunyai perasaan bebas seperti burung kerana hanya perasaan bebas sahaja seseorang itu dapat melahirkan perasaannya tanpa ketakutan. Isu perpaduan di Malaysia juga dijelaskan kerana di negara Malaysia tiada perang dan rakyatnya hidup dalam keadaan yang gembira dan menikmati perpaduan dan bekerjasama dalam mencari rezeki. Kesimpulannya, isu perpaduan ini ditulis kerana rakyat Malaysia berani. Keberanian menyebabkan rasa merdeka untuk mengecap perpaduan dalam negara yang aman dan harmoni mencari rezeki di negara ini.



Rajah 6: Contoh Sajak Perpaduan PK2C

Dapatan kajian menunjukkan PKS, PKC dan PKI mempunyai persamaan dalam menulis isu-isu berkaitan identiti nasional dalam pemetaan I-Think. Setiap isu tersebut, ditulis dengan menggunakan persoalan-persoalan yang dipilih bagi mengukuhkan isu. Oleh itu, untuk menggeneralisasikan setiap isu dan persoalan, keperluan untuk melihat persamaan setiap isu dan persoalan haruslah dilakukan. Hasil generalisasi isu dan persoalan sajak identiti nasional PKS, PKC dan PKI akan di generalisasi mengikut isu.

Isu yang pertama ialah cinta akan negara. Persoalan-persoalan yang di generalisasi dalam sajak cinta akan negara sebanyak 24 persoalan seperti Jadual 2. Terdapat dua persoalan yang berulang-ulang antara peserta kajian iaitu persoalan setia dan bangga. Oleh itu, isu identiti nasional cinta akan negara yang paling penting harus mempunyai sikap setia dan bangga akan negara. Persoalan lain yang telah di generalisasikan dapat dirujuk dalam Jadual 2.

Jadual 2: Isu Identiti Nasional Cinta Akan Negara

ISU **PERSOALAN**

CINTA AKAN NEGARA	Aman, Perjuangan, Semangat, Setia Bangga, Setia, Bersatu-padu, Harmoni, Semangat, Imej Negara Berkorban, Patuh, Menjaga Harta Benda Berjasa, Keselesaan, Masa Depan, Bangga, Berbilang Bangsa Ilmu, Makanan, Kerjasama, Berkorban Sayang, Tiada Bencana Alam, Tiada Peperangan, Menghormati Undang-Undang Cinta
--------------------------	--

Generalisasi Isu identiti nasional Malaysia, didapati 16 persoalan yang menggambarkannya. Persoalan aman diulang sebanyak tiga kali oleh peserta kajian dalam penulisan isu identiti nasional Malaysia. Hal ini menunjukkan tiga orang peserta kajian menyatakan negara Malaysia dicintai kerana keamanan yang terdapat dalam negara. Oleh itu, persoalan aman sangat penting dalam identiti nasional apabila digeneralisasikan. 15 persoalan yang lain dapat dirujuk melalui Jadual 3:

Jadual 3: Isu Identiti Nasional Malaysia

MALAYSIA	Aman, Teknologi, Semangat Patriotik, Merdeka
	Bersyukur, Aman, Tempat Tinggal , Kerjasama, Keselesaan, Syurga, Makanan Tradisional, Hidupan Laut, Bersatu-padu, Pelbagai Bahasa Pelbagai Kaum, Aman, Kerjasama, Bahasa

Seterusnya, digeneralisasi isu identiti nasional bahasa. Dalam menulis isu identiti nasional bahasa, peserta kajian telah menggambarkan lapan persoalan. Lapan persoalan tersebut ialah dapat dirujuk dalam Jadual 4.

Jadual 4: Isu Identiti Nasional Bahasa

BAHASAKU	Kembara, Pelbagai Bahasa
	Maruah, Pelbagai Bangsa, Pelbagai Budaya, Indah, Gembira Mudah, Pelbagai Bahasa, Bangga

Isu identiti nasional perpaduan hanya terdapat lima persoalan apabila digeneralisasikan. Isu ini dapat dirujuk daripada Jadual 5.

Jadual 5: Isu Identiti Nasional Perpaduan

PERPADUAN	Berani, Bebas, Aman, Bersatu-padu , Bekerjasama
------------------	--

Hasil generalisasi isu identiti nasional merdeka mendapati, 12 persoalan yang dikemukakan. Persoalan Bebas mempunyai tiga kali pengulangan. Persoalan Tiada Peperangan dua kali pengulangan dan Persoalan Aman dua kali pengulangan. Persoalan Gembira juga dua kali pengulangan. Persoalan lain dapat dirujuk dalam Jadual 6. Hal ini menunjukkan isu identiti nasional merdeka mempunyai empat perkataan yang diulang dalam menggambarkan Isu Nasional Merdeka.

Jadual 6: Isu Identiti Nasional Merdeka

MERDEKA	Bebas, Berdikari, Aman, Bersatu-padu, Bekerjasama, Gembira
	Bebas, Gembira, Tiada Peperangan, Bahasa, Aman Bebas, Tiada Peperangan, Pelbagai Kaum, Tenang, Bahagia Bahasa, Gembira, Merdeka

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan generalisasi menunjukkan ada persoalan yang terdapat dalam banyak isu seperti perkataan aman yang terdapat dalam kesemua isu kecuali isu bahasa. Di samping itu juga, perkataan bersatu-padu juga terdapat dalam semua isu kecuali isu bahasa. Perkataan yang digunakan dalam kebanyakan isu juga menunjukkan peserta kajian menulis tentang masyarakat yang majmuk iaitu kepelbagaian bahasa, bangsa dan budaya. Aspek ini merupakan asas kepada identiti nasional dalam menjaga hubungan antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Menurut (Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jahi, Kadir Arifin, & Kadaruddin Aiyub, 2014) isu identiti nasional bukan berkait rapat dengan persoalan kelainan bangsa, namun tahap kesedaran isu perpaduan dalam identiti nasional harus mengambil berat latar belakang individu tentang pengetahuan mereka tentang isu identiti nasional.

Hasil temu bual dengan peserta kajian, mendapati mereka menulis isu berkaitan seperti isu “Malaysia” dan “Negaraku” disebabkan dipengaruhi oleh pendedahan melalui lagu-lagu patriotik dan lagu pop yang dilihat dan didengar melalui media elektronik seperti televisyen dan radio. Namun, ada juga yang menulis isu nasional seperti isu bahasa, perpaduan dan merdeka kerana pengetahuan dan pengamatan mereka terhadap isu itu. Oleh itu, amat penting untuk menerap isu identiti nasional dalam kalangan generasi muda. Menurut Ahmad Fawzi Basri (2002) dalam (Mahat Jamal, 2015) nilai-nilai patriotik dalam konteks Malaysia ialah (1) Berbangga sebagai rakyat Malaysia, (2) Bersemangat setia negara, (3) Bersemangat kekitaan, (4) Berdisiplin dan (5) Berusaha dan Produktif yang telah diterima dan digunakan oleh Kementerian Pendidikan. Oleh itu, usaha menulis sajak nasionalisme dalam kalangan penutur bukan jati merupakan satu usaha memberi pengetahuan tentang isu identiti nasional dalam kalangan rakyat Malaysia. Menurut (Kamarul Baharin A. Kasim & Asyaari Muhamad, 2015) semangat patriotik merupakan suatu yang bersifat kerohanian. Usaha ini harus dipupuk dari semasa ke semasa.

Rujukan

- Ani Omar. (2012). Nukilan Sajak Merdeka dalam Membangunkan Bahasa, Sastera dan Budaya Bangsa melalui Pengajaran Kesusastraan Melayu. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 194-213.
- Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jahi, Kadir Arifin, & Kadaruddin Aiyub. (2014). Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia, 2(2), 31–39.
- Abdul Rashid Jamian, Shasuddin Othman & Nor Zila Md.Yusof. (2011) Keberkesanan Cerpen dalam Mempertingkat Prestasi Penulisan dalam Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 1, Bil. 2 (Nov. 2011): 45-57.
- Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jahi, Kadir Arifin, & Kadaruddin Aiyub. (2014). Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(2), 31–39.
- Chew Fong Peng & Rusdaini Mohamed. (2013). Keberkesanan Penggunaan Akhbar Dalam Pengajaran Karangan Dalam Kalangan Chew Fong Peng & Rusdaini Mohamed. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3, 18–30. Retrieved from fpchew@um.edu.my
- Fawziyah Binte Ali. (2016). Puisi intan pemangkin pemikiran. In *The 2 nd International Multidisciplinary Conference 2016* (pp. 472–486). Jakarta, Indonesia.
- Kamarul Baharin A. Kasim, & Asyaari Muhamad. (2015). Saranan HAMKA terhadap Perpaduan Bangsa Serumpun Malaysia – Indonesia. *International Journal of Te Malay World and Civilisation*, (3(1)), 3–14.

- Mahat Jamal. (2015). Semangat Patriotisme Melalui Lagu-Lagu Patriotik: Kajian Persepsi Beberapa Orang Belia Di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 4, 1–20. Retrieved from <http://jkob.cseap.edu.my/index.php/journal/full/4-4.pdf>
- Md. Sidin Ahmad Ishak, & Jas Laile Suzana Jaafar. (2014). *Malaysia-indonesia: serumpun merentasi globalisasi*. (A. I. M. Sidin & J. J. L. Suzana, Eds.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, Paimah Atoma, & Mashitah Sulaimn. (2011). Hubungan Antara Urbanisasi Dengan Persepsi Dalam Hubungan Etnik. *International Conference on Humanities*, (August), 1–12. <https://doi.org/10.13140/2.1.4709.5363>
- Mohd Izzuddin bin Mohd Pisol, & Mohd Solihin Hafizi bin Mohd. (2017). Sikap dan Keupayaan Kendiri Pelajar dalam Kemahiran Menulis Tugasan Akademik. In *Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan* (pp. 41–46). bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Noor Habsah Ali, & Yahya Othman. (2018). Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dalam kalangan Pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 8(Mei), 33–41.
- Othman Hussain, Shamsaadah Sholeh Saad, Lutfan Jaes, & Khairul Anuar Kamri. (2018). Memperkuuh peranan bahasa melayu dalam dunia teknologi. In *Pendayaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat* (pp. 1–19). Johor: UTHM.
- Raze Norsyahman bin Shahril. (2015). Terlebih pendidikan dan inflasi pendidikan dalam sektor awam di putrajaya. *International Journal of Business, Economics and Law*, 8(3), 40–46.
- Sulaiman Masri.(2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan*. Kuala lumpur:Utusan Publications and Distributors.
- Shahril. (2015). Terlebih pendidikan dan inflasi pendidikan dalam sektor awam di putrajaya. *International Journal of Business, Economics and Law*, 8(3), 40–46.
- Yahya Othman & Dk.Suzanawaty Pg. Osman.(2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol 4, Bil. 2 (Nov 2014):10-24.